

# **KRISIS RUMAH TANGGA: PUNCA-PUNCA DAN CARA UNTUK MENGATASINYA MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH DAN AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984**

**Oleh:**

Haliza A. Shukor

Hasnizam Hashim

Intan Nadia Ghulam Khan

## **Abstrak**

*Syariah Islam amat memandang berat terhadap sistem keluarga atau rumah tangga kerana ia berfungsi sebagai satu institusi yang corak, bentuk dan keadaannya akan menentukan pula corak, bentuk dan keadaan masyarakat. Ia juga berfungsi sebagai sumber tenaga manusia yang akan mengisi kehidupan masyarakat kemudian hari dan menentukan bentuk kehidupan tersebut. Di samping itu, keluarga juga berfungsi sebagai tempat membina peradaban dan kebudayaan masyarakat serta perkembangannya. Terdapat lima asas institusi kekeluargaan dalam Islam yang merangkumi, akidah, syariat, akhlak, cinta dan kasih sayang, persamaan, keadilan dan jaminan sosial. Namun begitu, krisis rumah tangga masih banyak berlaku di kalangan masyarakat Islam. Antara punca-punca krisis rumah tangga ialah pengetahuan dan pendidikan agama yang tidak sempurna, tekanan bebanan kerja, sikap pasangan, campur tangan pihak luar, masalah ekonomi dan sebagainya. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan tentang krisis rumah tangga, punca-punca dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif syariah dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Adalah diharapkan agar artikel ini dapat menyemai kesedaran dan memberikan input berkesan dalam memahami tanggung jawab masing-masing dalam kehidupan berkeluarga.*

*Kata kunci: keluarga, institusi, masyarakat, sosial*

## PENDAHULUAN

Matlamat utama Syariah Islam ialah untuk membangunkan masyarakat manusia secara keseluruhannya ke arah yang lebih baik di dunia dan di akhirat. Menurut Syariat Islam, perkahwinan bukanlah merupakan penyatuan sementara sahaja tetapi ia bermaksud ikatan untuk sepanjang hayat (Khurshid Ahmad, 1996: 32). Setiap rumah tangga yang didirikan adalah bertujuan untuk mencipta satu corak hidup yang lebih progresif, aman dan tenteram, tidaklah bertujuan untuk melahirkan keadaan porak peranda bahkan jauh sekali dari bertujuan untuk membebankan perasaan dengan keadaan yang tidak menyenangkan (Abu Hasan Din al-Hafiz 1983:90). Firman Allah S.W.T:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْتَفِرُونَ

Maksudnya, “Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir” (al-Quran. Surah Al-Rum: 21).

Perkahwinan juga merupakan satu ikatan murni antara seorang lelaki dan perempuan untuk hidup bahagia bersama dalam sesebuah rumah tangga. Dalam istilah kekeluargaan, perkataan yang sering digunakan adalah *al-zawaj* atau *al-nikah*. Perkataan *al-zawaj* atau *al-nikah* secara ringkasnya bermaksud satu akad yang menghalalkan pergaulan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan mahram dan seterusnya menimbulkan hak dan kewajipan antara kedua-dua mereka (al-Khin, Mustafa, 2000: 1).

Perkahwinan diharuskan oleh Syarak bukanlah semata-mata untuk kenikmatan hubungan seksual, bahkan terdapat banyak fungsi lain yang seharusnya diambil perhatian oleh setiap pasangan yang ingin dan telah berkahwin. Antaranya adalah:

- i. Perkahwinan antara dua jiwa secara khusus sepertimana dinyatakan dalam surah al-Rum ayat 21 adalah untuk mencapai

ketenangan jiwa, hidup dengan tenteram, hormat-menghormati, saling mempercayai dan penuh kasih sayang (Nur Hidayah Muhd. Hashim 2006:3). Ianya juga bertujuan untuk memelihara agama. Firman Allah S.W.T:

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ هُنَّ

Maksudnya, “Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka” (al-Quran. Surah Al-Baqarah: 187).

- i. Perkahwinan juga adalah merupakan jalan terbaik dan diiktiraf oleh Syarak bagi bagi memelihara keturunan (*nasab*) dengan memperoleh anak-anak yang sah, yang menjadi amanah daripada Allah S.W.T untuk dididik agar menjadi insan dan generasi yang terbaik (Sayyid Sabiq, 1995: 9-10).
- ii. Perkahwinan juga sebenarnya berperanan untuk membina sikap dan akhlak yang baik dengan saling menjaga, tolong-menolong dan mengambil berat antara pasangan suami isteri. Sikap ini akan terbina sepanjang masa ketika mereka mengatur urusan hidup, menjaga kebajikan dan kesihatan pasangan, urusan pekerjaan, pembelian harta sehinggalah kepada cara pengisian masa lapang ((Nur Hidayah Muhd. Hashim, 2006: 9).
- iii. Manusia secara fitrah memerlukan seseorang untuk menyokong dan berkongsi kesukaan dan kesedihan yang dialami. Perkahwinan sebenarnya memberi peluang ke arah menjayakan fungsi tersebut. Apabila menghadapi saat-saat getir dan konflik yang berat, sokongan dan kasih sayang daripada pasangan akan diprolchi. Begitu juga apabila terdapat sesuatu perkara yang menggembirakan, maka ia dapat dikongsi bersama pasangan masing-masing (Sayyid Sabiq, 1995: 10).
- iv. Perkahwinan juga berfungsi sebagai satu pemangkin dalam meningkatkan keupayaan dan potensi diri. Contohnya, seseorang lelaki dan perempuan akan bertukar menjadi lebih matang dan berfikiran jauh ke hadapan selepas mereka berkahwin. Mereka akan sama-sama berusaha untuk memperbaiki taraf hidup dan ekonomi keluarga demi

kesejahteraan anak-anak serta membuat perancangan yang terbaik untuk kebahagiaan seluruh keluarganya (Nur Hidayah Muhd. Hashim, 2006: 9-10).

- v. Melalui perkahwinan juga akan dapat dibentuk sebuah keluarga yang sempurna (al-Zuhayliyy, Wahbah 2001: 39). Dalam Islam, keluarga diletakkan sebagai batu asas dalam pembinaan masyarakat. Pembangunan bangsa dalam sesebuah negara berpunca daripada pembangunan masyarakat yang dimulai dengan pembangunan keluarga. Pembinaan keluarga pula perlu berasaskan kepada wujudnya pengertian dan kesedaran, maksud dan tujuan, tuntutan dan pengorbanan dan kesemua ini adalah untuk mencapai keredaan Allah S.W.T (Zaleha Kamaruddin 1997: 3).

## **KRISIS RUMAH TANGGA**

Setiap rumah tangga yang didirikan juga tidak sunyi daripada krisis dan sengketa. Krisis rumah tangga adalah sesuatu perkara yang sering melanda dalam kehidupan berumah tangga. Oleh itu, sekiranya tidak diselesaikan segera, ia boleh menjejaskan kehidupan berumah tangga bahkan akan mengakibatkan porak peranda dan perceraian. Oleh yang demikian, Islam menerangkan tentang bagaimana cara mengatasinya bagi mengelakkan krisis tersebut berpanjangan yang akhirnya mungkin akan mengakibatkan penyesalan di pihak suami dan isteri (Abu Hasan Din al-Hafiz, 1983: 92).

Krisis bermaksud keadaan tidak stabil atau tidak tenteram yang boleh secara tiba-tiba menyebabkan sesuatu kejadian (perkembangan, perubahan dan lain-lain), keadaan yang lazimnya mendatangkan kesan buruk, keadaan yang genting, kegentingan, ketegangan, keributan. Krisis juga merujuk kepada akhlak (moral) kemerosotan (kerusakan) budi pekerti yang sudah mencapai peringkat yang membimbangkan. Ia juga membawa pengertian berselisih pendapat, fahaman dan lain-lain (Kamus Dewan, 2005: 830). Rumah tangga merujuk kepada perihal rumah dan kehidupan dalam rumah, rumah dengan keluarga yang mendiaminya (Kamus Dewan, 2005: 1352).

Dalam perundangan Islam, krisis rumah tangga berpunca daripada *nushuz* dan *shiqaaq*. *Nushuz* dari segi bahasa bermaksud derhaka. Isteri yang *nushuz* ialah isteri yang menderhakai suaminya dan mengingkari ketaatan terhadap suaminya pada perkara yang diwajibkan oleh Allah S.W.T (Kamus Dewan, 2005: 102). Hal ini adalah berdasarkan kepada firman Allah S.W.T:

وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ  
فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا

Maksudnya, “Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (*nushuz*) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar” (al-Quran. Surah Al-Nisa’: 34).

Penggunaan perkataan *nushuz* dari segi istilah pula iaitu dari segi perhubungan di antara suami isteri ialah kebencian salah seorang dari suami isteri terhadap yang lain (Abu Hasan Din al-Hafiz, 1983: 92). Dalam erti kata lain, *nushuz* ini boleh berlaku daripada pihak isteri dan juga boleh berlaku daripada pihak suami. Isteri yang *nushuz* ialah isteri yang menderhakai suaminya dalam perkara yang diperintahkan oleh Allah S.W.T, dan suami yang *nushuz* pula ialah suami yang menzalimi atau menganiaya isterinya (Abu Hasan Din al-Hafiz, 1983:92 ). Firman Allah S.W.T;

وَإِنْ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ  
يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُحْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ وَإِنْ  
تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Maksudnya, “Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul daripada suaminya “*nushuz*” (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah maha mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan” (al-Quran. Surah Al-Nisa’: 128).

Sementara itu, *shiqaq* adalah merupakan perkataan Arab yang bermaksud permusuhan dan perselisihan (Hasan Ayyub 2005 :120-121). Menurut istilah fiqh pula, ia bermaksud perselisihan berterusan antara suami isteri yang diselesaikan melalui perlantikan dua orang hakam, iaitu seorang hakam daripada pihak suami dan seorang lagi daripada pihak isteri bagi menyelesaikan permusuhan dan perselisihan tersebut (Slamet Abidin & H. Aminuddin, 1999: 187). Dasar hukumnya adalah bersandarkan kepada firman Allah S.W.T;

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا  
إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقُ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا

Maksudnya, “Dan jika kamu bimbangkan perpecahan antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah “orang tengah” (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang daripada keluarga lelaki dan seorang daripada keluarga perempuan. Jika kedua-dua “orang tengah” itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuanNya” (al-Quran. Surah Al-Nisa’: 35).

Apabila perselisihan berlaku antara pasangan suami dan isteri, walau apa jua puncanya, Islam menganjurkan pasangan terlibat agar berusaha mencari jalan perdamaian (*sulh*) bagi mempertahankan ikatan perkawinan yang telah dibina (Ghazali Abdul Rahman, 2006: 245) oleh pasangan. Bahkan, keluarga bagi pasangan yang terlibat dalam krisis tersebut dibenarkan campur tangan demi menyelamatkan pasangan tersebut daripada menghadapi krisis yang berterusan.

Kesimpulannya, krisis rumah tangga bolehlah ditakrifkan sebagai keadaan tidak tenteram atau tidak stabil yang berlaku di dalam sesebuah rumah tangga akibat daripada faktor-faktor tertentu yang akhirnya boleh membawa kepada masalah penderaan, keganasan dan akhirnya perceraian.

## **PUNCA-PUNCA KRISIS RUMAH TANGGA**

Krisis rumah tangga pada kebiasaannya terjadi disebabkan beberapa faktor atau masalah. Secara umumnya, punca-punca krisis rumah tangga dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran (Siti Zulaikha Mohd Noor, 1989 : 3-4).

## **Faktor-Faktor Dalaman**

Berikut adalah faktor-faktor dalaman bagi krisis rumahtangga:

### **Agama**

Kekurangan pengetahuan dan pendidikan yang berlatar belakangkan keagamaan serta terperangkap dalam kehidupan dan budaya sosial yang liar hanya akan mengakibatkan krisis rumah tangga. Sebagai contoh, suami mengabaikan tanggungjawab rumah tangga seperti tidak memberi nafkah hidup yang sewajarnya (Mohd Roshdi Yusof, 1993: 103).

Ini berlaku apabila suami tidak mempunyai daya kepimpinan dalam menceraikan rumah tangga disebabkan tidak ada pengetahuan dan pendidikan agama yang sempurna. Keadaan akan menjadi lebih buruk apabila isteri juga tidak memiliki latar belakang pendidikan agama yang kuat. Dalam keadaan seperti ini, apabila wujud permasalahan rumah tangga, masing-masing tidak menemui jalan keluar yang sihat kecuali perceraian (Mohd Roshdi Yusof, 1993: 103).

Dalam kes *Sharimah bt Muhamad lwn. Ahmad Burhanuddin bin Abdullah*, antara sebab permohonan cerai dibuat oleh si isteri adalah kerana beliau menghadapi tekanan emosi apabila mendapat tahu si suami berlaku curang kerana ada hubungan dengan pesakit sendiri.

### **Tekanan Bebanan Kerja**

Mencari rezeki yang halal untuk menyara keluarga adalah tanggungjawab seorang suami. Malahan kebanyakan wanita atau isteri juga bekerja untuk menampung keperluan keluarga. Kebahagiaan rumah tangga bergantung kepada kebijaksanaan suami dan isteri yang bekerja untuk membahagikan masa dan tumpuan kepada kerja dan juga keluarga.

Namun demikian, tekanan bebanan kerja, kurang tumpuan yang diberikan kepada keluarga atau masalah di tempat kerja yang berlarutan sehingga di rumah hanya akan menyebabkan krisis dalam rumah tangga.

### **Sikap**

Suami atau isteri harus mempunyai sikap yang disenangi oleh pasangan masing-masing untuk menjamin kebahagiaan rumah tangga

yang berkekalan. Sikap bengis suami atau sikap isteri yang tidak menghormati suami hanya akan mewujudkan krisis di dalam rumah tangga.

Sikap cemburu yang negatif juga merupakan salah satu punca yang menyebabkan berlakunya krisis dalam rumah tangga. Sifat cemburu yang melampau amat tidak digalakkan kerana ia boleh menggugat hubungan sesebuah rumah tangga. Ketiadaan langsung sifat cemburu juga boleh membawa akibat buruk kerana ia boleh menjadi punca pasangan 'mudah dikebas orang' (Qurratu A'Yun, 2005).

Dalam menghadapi mana-mana situasi, kedua-dua pasangan haruslah bijak menangani permasalahan cemburu ini supaya ia tidak merebak sehingga menyebabkan kehancuran rumah tangga.

### **Kesihatan**

Masalah kesihatan pasangan adalah merupakan salah satu punca berlakunya krisis. Kesihatan yang tidak memuaskan samada di pihak suami atau isteri kadangkala dianggap membebankan oleh pasangannya. Masalah seperti ini seharusnya perlu dihadapi bersama oleh pasangan yang telah berkahwin kerana ini adalah masa yang sesuai untuk membuktikan kasih sayang yang pernah dilafazkan.

Masalah seksualiti, ketiadaan zuriat atau tidak berpuas hati dengan zuriat yang ada juga menjadi sebab berlakunya krisis dalam rumahtangga jika tidak diselesaikan dengan cara yang bijak dan bertolak ansur.

### **Faktor Luaran**

Berikut adalah faktor-faktor luaran bagi krisis rumahtangga:

#### **Campur tangan keluarga secara berlebihan**

Campur tangan keluarga boleh dibahagikan kepada dua, iaitu campur tangan untuk kebaikan rumah tangga tersebut ataupun sebaliknya. Campur tangan keluarga ini boleh melibatkan mana-mana ahli keluarga dari sebelah pihak keluarga isteri atau suami. Namun demikian, ahli keluarga terdekat yang kebiasaannya mampu mempengaruhi rumah tangga adalah mertua.

Kadangkala mertua mencampuri urusan rumah tangga anaknya secara negatif, misalnya menghasut dalam hal-hal tertentu.



Ini merupakan pengaruh luar yang juga memainkan peranan dalam memporak perandakan rumah tangga yang mana ini boleh menyebabkan berlakunya krisis (Abu Hassan Din al-Hafiz, 1983: 4).

Selain daripada itu ia juga berpunca daripada sikap anak itu sendiri yang terlalu bergantung dengan ibu bapa mereka walaupun telah berumah tangga (Mohamad Yusoff Dasuki, 2005).

### **Masalah ekonomi**

Masalah kemerosotan ekonomi yang melanda dunia mengakibatkan pemberhentian kerja, pengangguran, inflasi dan sebagainya. Ini juga sedikit sebanyak akan mempengaruhi kestabilan rumah tangga sebilangan pasangan disebabkan keadaan kewangan keluarga yang tidak stabil ataupun tekanan perasaan ekoran pemberhentian kerja dan kesulitan untuk mencari pekerjaan yang lain (Utusan Malaysia, 12 Oktober 1999).

Kesimpulannya, krisis rumah tangga boleh berlaku disebabkan oleh banyak faktor, sama ada faktor dalaman ataupun faktor luaran. Sekiranya punca-punca krisis dapat dibendung dengan bijak, rumah tangga akan dapat diselamatkan.

## **LANGKAH-LANGKAH PENYELESAIAN KRISIS RUMAH TANGGA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN PERUNDANGAN SEMASA**

Secara umumnya, krisis rumah tangga boleh ditangani andainya pihak suami dan isteri berupaya menyelesaikannya dengan mengambil pendekatan berfikiran terbuka dan positif serta bermuhasabah diri.

Ia juga dapat dielakkan dengan cara bertaubat dan bermaafan antara suami dan isteri. Sekiranya, pihak suami telah menyedari kesalahannya, maka isteri seharusnya bersedia memaafkan suami. Sekiranya isteri yang bersalah, maka si isteri hendaklah pergi kepada suami dan memohon maaf. Kedua-dua pihak pula hendaklah berdoa kepada Allah S.W.T memohon agar diampunkan dosa serta memohon petunjuk agar rumah tangga sentiasa sejahtera dan dirahmati Allah S.W.T (Fauziah Mohamad, 1998: 350-352).

Penyelesaian krisis rumah tangga secara ringkasnya dapat dibahagikan pada tiga peringkat seperti yang akan dibincangkan di bawah ini.

## **Peringkat Pertama**

Penyelesaian krisis rumah tangga pada peringkat yang pertama lebih berbentuk pada pencegahan sebelum berlakunya krisis rumah tangga (Zaleha Kamaruddin, 1997: 178). Ia bertumpu pada aspek pengajaran dan pendidikan untuk membantu memberi panduan kepada pasangan yang akan berumah tangga.

Pada peringkat ini, pasangan akan didedahkan dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam menjalani alam berumah tangga. Pendidikan dan panduan yang diberi pada peringkat ini terdiri daripada dua bentuk utama iaitu, melalui kursus pra perkahwinan dan juga melalui penyampaian khutbah nikah seperti yang dianjurkan oleh Islam.

### **Kursus Pra Perkahwinan**

Penyelesaian krisis rumah tangga yang boleh dibuat pada peringkat awal perkahwinan ialah dalam bentuk kursus pra perkahwinan. Kursus pra perkahwinan diadakan bertujuan untuk memberi maklumat dan pendedahan awal tentang konsep dan matlamat rumah tangga. Melalui kursus pra perkahwinan, pasangan dapat didedahkan dengan hal ehwal perkahwinan, tanggungjawab serta matlamat sesebuah perkahwinan.

Ia juga bermatlamat untuk membantu mengurangkan masalah rumah tangga yang dialami oleh pasangan yang telah berkahwin (Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) 31 Disember 2008). Kursus ini telah mula diwajibkan kepada setiap pasangan yang ingin berkahwin mulai pada tahun 1997 tetapi masih lagi tidak diwajibkan di negeri Sarawak buat masa ini.

### **Khutbah Nikah**

Khutbah secara amnya bermaksud nasihat dan peringatan. Khutbah adalah perkara Sunnah yang dilakukan untuk menasihati orang dan untuk tujuan pelbagai perkara lain. Ia juga tidak mengkhusus untuk tujuan nikah sahaja tetapi khutbah diperlukan untuk tujuan berbicara.

Antara tujuan khutbah nikah ialah untuk menerangkan objektif pernikahan, memperbaiki niat bernikah, mempelajari adab hidup berpasangan serta menjelaskan tentang tugas serta tanggungjawab pasangan suami isteri ketika menempuhi alam perkahwinan.

## **Peringkat Kedua**

Peringkat kedua penyelesaian krisis rumah tangga lebih bertumpu pada kaedah rawatan untuk memperbaiki keadaan rumah tangga yang sudah mula rosak (Zaleha Kamaruddin, 1997: 178) dengan cara memberi nasihat dan peringatan terhadap hak-hak dan tanggungjawab suami isteri yang mungkin telah dilupakan. Penyelesaian krisis rumah tangga peringkat kedua boleh dibahagikan pada dua bentuk iaitu, penyelesaian yang boleh diselesaikan di peringkat suami isteri sahaja dan penyelesaian yang melibatkan bantuan orang tengah.

### **Penyelesaian Peringkat Suami Isteri**

Krisis rumah tangga berpunca daripada pihak yang membuat angkara. Krisis rumah tangga dan nusyuz merupakan dua perkara yang berkait rapat serta sering melanda rumah tangga dan boleh mengakibatkan rumah tangga porak peranda dan berpecah belah (Abu Hasan Din al-Hafiz, 1983: 91-92). *Nushuz* seperti yang dijelaskan sebelum ini bermaksud keadaan di mana suami atau isteri enggan menunaikan kewajibannya sebagaimana yang dituntut oleh Syarak (Siti Zulaikha Mohd Noor, 1989: 10).

Memandangkan *nushuz* boleh berlaku sama ada di pihak suami atau isteri, maka Islam telah menggariskan panduan bagaimana menangani fenomena ini sekiranya ia berlaku di dalam sesebuah perkahwinan.

Allah berfirman di dalam al-Quran;

وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ  
فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا

Maksudnya, “Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (*nusyuz*) hendaklah kamu nasihati mereka, dan jika mereka berdegil, pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih berdegil) pukullah mereka ( dengan pukulan ringan untuk tujuan mengajar). Jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari jalan menyusahkan mereka” (al-Quran. Surah Al-Nisa’: 34).

Melalui ayat tersebut, dapat disimpulkan bahawa Allah S.W.T telah menggariskan beberapa langkah bagi menangani krisis rumah

tangga yang berpunca daripada isteri yang nusyuz. Langkah pertama ialah dengan memberikan nasihat, pemuluan tempat tidur dan yang terakhir pukulan ringan.

Walau bagaimanapun, sekiranya *nushuz* itu berpunca daripada suami, maka perdamaian melalui orang tengah adalah digalakkan. Sekiranya penyelesaian tidak dapat dicapai, maka isteri hendaklah mengadu pada kadi supaya dapat memperolchi jalan penyelesaian (Siti Zulaikha Mohd Noor, 1989: 10).

## **Nasihat**

Nasihat ialah peringatan tentang kesalahan yang dilakukan agar tidak mengulangi perbuatan tersebut. Peringatan atau nasihat yang diberi hendaklah dibuat dengan cara yang penuh hikmah serta tidak mengguris perasaan pasangan yang boleh memburukkan lagi keadaan (Abu Hasan Din al-Hafiz 1983: 97).

Walau bagaimanapun, sekiranya nasihat dan teguran tidak dapat diterima, Islam memberikan ruang untuk tindakan yang seterusnya iaitu pemuluan tempat tidur. Perlu diingat bahawa tindakan serta garis panduan yang ditentukan oleh al-Quran ini hanyalah semata-mata bertujuan untuk mententeramkan keadaan pihak-pihak yang berkrisis (Abu Hasan Din al-Hafiz, 1983: 98).

## **Pemuluan**

Pemuluan tempat tidur bererti meninggalkan bersendirian di tempat tidur (al-Khin, Mustafa, 2000: 103-104). Tujuan tindakan pemuluan tempat tidur ialah untuk kebaikan serta untuk menyedarkan isteri.

Tempoh masa bagi tindakan ini ialah selama sebulan dan tidak lebih daripada empat bulan. Ini berikutan terdapat peristiwa yang mana Rasulullah S.A.W tidak menggauli isterinya sayyidah Safiyyah selama sebulan kerana sayyidah Safiyyah telah menceritakan sedikit rahsia rumah tangganya kepada sayyidah ‘A’ishah (al-Khin, Mustafa, 2000: 100).

## **Pukulan**

Sekiranya keadaan berlanjutan dan nasihat serta pemuluan tidak berkesan, maka suami dibenarkan untuk melakukan pukulan ringan mengikut kaedah yang dibenarkan dalam Islam bagi tujuan menyedarkan pihak isteri.

Menurut pandangan jumbuh fuqaha, pukulan ringan adalah dibenarkan asalkan ia bertujuan untuk memberi pengajaran pada isteri yang *nushuz*. Pukulan yang dibuat juga tidak seharusnya memudaratkan isteri kerana cara yang demikian adalah terkeluar daripada landasan prinsip kekeluargaan dan juga syarak (al-Khin, Mustafa, 2000: 102).

### **Penyelesaian Menggunakan Khidmat Orang Tengah**

Penyelesaian krisis rumah tangga menggunakan bantuan orang tengah biasanya melibatkan krisis yang telah berlanjutan dan telah sampai ke tahap di mana suami dan isteri tidak dapat mengawal perasaan masing-masing. Sekiranya krisis sudah sampai ke tahap ini, maka aduan boleh dibuat ke mahkamah dan mahkamah akan melantik wakil untuk berbincang tentang cara terbaik untuk menyelesaikan krisis (Zaleha Kamaruddin, 2001: 15).

Orang tengah atau pendamai berperanan untuk membantu menyelesaikan krisis rumah tangga yang dihadapi oleh pasangan suami isteri.

Menurut firman Allah Taala:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا  
إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقُ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا

Maksudnya, “Dan jika kamu bimbangkan perpecahan antara mereka berdua (suami isteri), maka lantiklah “orang tengah” (untuk mendamaikan mereka), seorang daripada keluarga lelaki dan seorang daripada keluarga perempuan” (al-Quran. Surah Al-Nisa’: 35).

Orang tengah juga dilantik apabila isteri merasakan bahawa ada kemungkinan *nushuz* daripada pihak suami. Firman Allah S.W.T:

وَإِنْ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا  
أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَأُخْضِرَتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ  
وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Maksudnya, “Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul daripada suaminya ”*nushuz*” (kebencian), atau tidak melayaninya,

*maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai berai)”* (al-Quran. Surah Al-Nisa’: 128).

Orang tengah biasanya dilantik di kalangan saudara mara terdekat di sebelah pihak suami dan juga pihak isteri. Walau bagaimanapun, tidak menjadi satu kesalahan sekiranya saudara mara yang dilantik itu merupakan saudara mara yang berjauhan asalkan mereka berniat mendamaikan keadaan dan menyelamatkan rumah tangga daripada perpisahan (Abu Hasan Din al-Hafiz, 1983: 106).

### **Pejabat Kadi**

Pejabat Kadi telah ditubuhkan di Wilayah Perskutuan untuk membantu pasangan yang ingin atau telah berkahwin bagi menyelesaikan perkara-perkara yang bersangkutan dengan perkahwinan (Mashadi Salamon, 1983: 134). Ia juga berperanan memberikan penyelesaian yang memuaskan bagi pihak-pihak yang bertikaian. Antara bantuan yang diberikan oleh pejabat Kadi dalam menyelesaikan sesuatu perselisihan dalam rumah tangga ialah dengan memberi nasihat secara meluas tentang konsep perkahwinan dalam Islam dan menyasat latar belakang suami dan isteri sekiranya masalah yang dihadapi semakin tegang (Mashadi Salamon, 1983:138).

Dalam situasi ini, pejabat Kadi mempunyai pegawai yang bertanggungjawab memberikan khidmat kaunseling untuk pasangan yang menghadapi perselisihan rumah tangga. Sekiranya keadaan bertambah serius, Pejabat Kadi boleh memanjangkan perkara tersebut ke Mahkamah untuk penyelesaian selanjutnya.

### **Kaunselor**

Penyelesaian krisis rumah tangga di peringkat suami isteri mungkin akan menemui jalan buntu sekiranya krisis berada di tahap yang serius. Peranan pegawai perunding atau kaunselor bertauliah serta mempunyai pengkhususan dalam bidang kekeluargaan adalah penting untuk menjernihkan keadaan yang semakin keruh. Tidak digalakkan berbincang dengan orang perseorangan yang hanya mengaku sebagai kaunselor tetapi sebenarnya mereka bukan dalam kategori tersebut (Zaleha Kamaruddin, 2001:12).

Tujuan utama kaunseling diadakan ialah untuk mengenalpasti punca ketegangan hubungan antara pasangan suami isteri dan cubaan untuk mendamaikan pasangan agar hubungan mereka dapat dipulihkan (Mohd Radzuan Ibrahim, 2006: 220).

Khidmat kaunselor juga boleh diperolehi di Pejabat Kadi di setiap daerah (Mohd Radzuan Ibrahim, 2006: 20). Kaunselor-kaunselor yang dilantik hendaklah mempunyai kelayakan dalam bidang rundingcara supaya boleh membantu mendamaikan pihak-pihak yang bertikai (Siti Zulaikha Mohd Noor, 1989: 16).

Setelah aduan diperolehi daripada suami atau isteri, kaunselor akan meminta suami dan isteri hadir ke pejabat pada masa yang telah dijanjikan untuk mendengar permasalahan dan aduan dari pihak suami dan isteri samaada secara perseorangan atau secara rundingan bersama. Pada peringkat ini, pasangan biasanya diberi nasihat agama dan kaunseling agar bersabar dan cuba memperbaiki hubungan antara mereka.

Seandainya, rundingan cara ini tidak berkesan dan tidak mampu mengubah keadaan, maka kaunselor akan bertindak memberikan laporan kaunseling dan nasihat kepada pasangan agar merujuk perkara tersebut ke mahkamah untuk dibicara dan diputuskan (Ghazali Abd Rahman, 1989 : 11-12).

### **Pegawai *Sulh***

*Sulh* atau perdamaian merupakan proses di mana pihak-pihak yang terlibat dalam satu pertikaian dipertemukan dalam satu majlis yang tidak formal dan dipengerusikan oleh seorang pegawai *sulh* sebagai pengerusi. Pegawai *sulh* berperanan untuk mengenal pasti skop pertikaian serta masalah dari segi sebab, halangan dan jalan penyelesaian yang sesuai. Proses *sulh* bergantung kepada persetujuan kedua-dua belah pihak yang bertikai.

Antara kes-kes disalurkan melalui kaedah *sulh* ialah tuntutan selepas perceraian, hak penjagaan anak, nafkah anak, nafkah tertunggak anak, permohonan perintah nafkah anak serta pelaksanaan perintah mahkamah (Utusan Malaysia, 16 September 2002). Laporan kepada mahkamah akan dibuat oleh pegawai *sulh* yang membawa kepada perintah mahkamah dikeluarkan untuk pelaksanaan.

## **Jawatankuasa Pendamai**

Seksyen 47 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan tentang perceraian dengan talak atau dengan perintah yang mana ia memberi kuasa pada Mahkamah untuk melantik satu Jawatankuasa Pendamai sekiranya ia berpendapat bahawa ada kemungkinan untuk pasangan tersebut berdamai.

Seksyen 47(5) memperuntukkan bahawa jawatankuasa pendamai itu boleh terdiri daripada Pegawai Agama, serta seorang yang bertindak bagi pihak isteri dan seorang lagi bertindak bagi pihak suami. Keutamaan akan diberi kepada saudara-saudara karib pihak-pihaksuami dan isteri.<sup>1</sup>

Mahkamah dalam hal ini akan berperanan memberi arahan kepada Jawatankuasa tentang perjalanan perdamaian yang akan dilakukan dan Jawatankuasa hendaklah mengikut arahan tersebut.<sup>2</sup> Sekiranya Jawatankuasa tidak dapat bersetuju atau Mahkamah tidak berpuas hati dengan perjalanan perdamaian tersebut, maka Mahkamah boleh memecat Jawatankuasa tersebut dan melantik jawatankuasa yang lain.<sup>3</sup>

## **Timbangtara**

Menurut Seksyen 48 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, mahkamah akan melantik penimbangtara atau *hakam* sekiranya berlaku *shiqaq* (Norzulaili Mohd Ghazali & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2007: 26) antara pihak suami dan isteri. *Hakam* ialah individu yang bertanggungjawab mencari jalan penyelesaian terhadap pertikaian yang berlaku antara pasangan suami isteri (Norzulaili Mohd Ghazali & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2007: 72).

Walaupun begitu, *hakam* tidak semestinya dilantik dalam semua kes krisis rumah tangga melainkan kes yang telah jelas

---

<sup>1</sup> Seksyen 47(6) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

<sup>2</sup> Seksyen 47(7) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

<sup>3</sup> Seksyen 47(8) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.



berlakunya *shiqaq* tetapi tidak diketahui punca pertikaian tersebut (Norzulaili Mohd Ghazali & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2007: 75).

Seperti juga Jawatankuasa Pendamai, keutamaan akan diberi pada ahli keluarga terdekat kepada kedua-dua belah pihak dan tiada seorang pun Peguam Syarie dibenarkan untuk hadir atau mewakili mana-mana pihak.<sup>4</sup> Menurut Zaleha Kamaruddin (1997:193), proses *hakam* tidak seharusnya digunapakai setelah krisis rumah tangga mencapai tahap *shiqaq*. Ia seharusnya digunakan ketika unsur-unsur kepincangan mula bercambah dalam rumah tangga.

### **Peringkat Ketiga**

Percecaian ialah jalan terakhir penyelesaian setelah pelbagai ikhtiar gagal dibuat untuk mengatasi krisis tersebut (Abu Hasan Din al-Hafiz, 1983: 112). Seksyen 47 memperuntukkan tentang percecaian dengan talaq atau dengan perintah. Sekiranya pihak suami enggan melafazkan talaq, maka pihak isteri boleh mengemukakan permohonan ta'liq mengikut peruntukan di bawah Seksyen 50.<sup>5</sup>

Selain itu, pihak isteri juga boleh mengemukakan permohonan fasakh berdasarkan pada alasan-alasan yang terkandung di bawah Seksyen 52. Sekiranya sabit tuntutan tersebut, maka perkahwinan tersebut boleh dibubarkan.

### **KESIMPULAN**

Perkahwinan menurut syaria Islam mempunyai matlamat untuk mewujudkan suasana bahagia. Kebahagiaan ini dapat dicapai sekiranya pasangan suami isteri tersebut dapat memainkan peranan masing-masing berdasarkan garis panduan yang telah diperuntukkan oleh Syarak.

Namun begitu, krisis rumah tangga kadangkala berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor iaitu faktor dalaman atau faktor luaran.

---


<sup>4</sup> Seksyen 48(2) dan Seksyen 48(7) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

<sup>5</sup> Seksyen 50(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan bahawa seorang perempuan yang bersuami berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat perakuan *ta'liq* yang dibuat selepas berkahwin memohon kepada mahkamah bahawa perceraian yang demikian telah berlaku.

Syariah Islam menyediakan beberapa langkah penyelesaian terhadap krisis rumah tangga yang mana sebahagiannya telah dimasukkan di dalam perundangan semasa.

Perceraian adalah amat tidak digalakkan dan merupakan langkah terakhir penyelesaian krisis sekiranya semua langkah penyelesaian lain gagal. Hasil daripada kajian yang telah dibuat oleh para penulis, penyelesaian krisis rumah tangga dapat dirumuskan melalui jadual dibawah:

### **CARTA ALIRAN PERINGKAT PENYELESAIAN KRISIS RUMAH TANGGA**



## **BIBLIOGRAFI**

- Abu Hasan Din al-Hafiz. 1983. *Krisis Rumah Tangga, Sebab-Sebab Dan Cara Untuk Mengatasinya*. (Kertas Kerja). Kumpulan Kertas Kerja Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan dalam Islam. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Fauziah Mohamad. 1998. *Kaunseling Rumah Tangga*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Ghazali Abd Rahman 1989. *Perlaksanaan, Amalan dan Permasalahan Undang-Undang Keluarga Islam, Pengalaman Wilayah Persekutuan*. (Kertas Kerja). Seminar Perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Peringkat Kebangsaan. 26-28 Jun.
- Hasan Ayyub. 2005. *Fiqh al-Usrat al-Muslimah*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 31 Disember 2008. "Kursus pra perkahwinan". <http://www.jais.net.my>.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. Edisi Ke 4. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & al-Sharbajiy, 'Aliyy. 2000. *Al-Fiqh al-Manhajiy 'Ala Madhahib al-Imam al-Shafi'iy*. Jil. 2. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Khurshid Ahmad. 1996. *Kekeluargaan Dalam Islam*. (terj.) Azmi Shah Suratman. Johor Bahru: Penerbit UTM. Siti Zulaikha Mohd Noor. 1989. "Rundingcara Keluarga Sebagai Satu Cara untuk Mengatasi Kekeluargaan Islam di Malaysia". (Kertas Kerja). *Seminar Perlaksanaan Undang-undang Keluarga Islam Peringkat Kebangsaan*. 26-28 Jun.
- Mashadi Salamon. 1983. *Peranan Pejabat Kadi dalam Masyarakat Islam*. Kumpulan Kertas Kerja Kursus Perkahwinan dan Kekeluargaan dalam Islam. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Mohd Radzuan Ibrahim. 2006. *Munakahat Undang-Undang dan Prosedur*. Kuala Lumpur: DRI Publishing House.
- Mohd Roshdi Yusof. 1993. *Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Perspektif Islam*. Medan Sumatera Utara: Penerbitan Insan Digjaya.
- Mohamad Yusoff Dasuki. *Membina Hubungan Menantu dengan Mertua*. (Online posting). September 2005. <<http://www.islam.gov.my/>>
- Norzulaili Mohd Ghazali & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2007. *Nusyuz, Shiqaq dan Hakam*. Kuala Lumpur: Penerbit KUIM.

- Nur Hidayah Muhd. Hashim. 2006. *Perceraian secara Fasakh: Konsep dan Amalan di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Qurratu A'Yun. 2005. *Cemburu*. Februari. <http://www.islam.gov.my>.
- Sayyid Sabiq. 1995. *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Slamet Abidin & H. Aminuddin. 1999. *Fiqh Munakahat*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Utusan Malaysia. 1999. *Krisis Rumah Tangga Perlu Ditangani Dengan Fikiran Terbuka*. 12 Oktober 1999.
- Utusan Malaysia. 2002. *Pegawai Sulh Jadi Perantara*. 16 September 2002.
- Zaleha Kamaruddin. 1997. *Isu-isu Kekeluargaan dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Zaleha Kamaruddin. 2001. *Bersama atau Berpisah*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 2001. *Fiqh dan Perundangan Islam*. (terj.) Ahmad Shahbari Salamon et.al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jilid VII.